

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB DATUK ROZMAN BIN ISLI**

**KAWASAN**

**: LABUAN**

**TARIKH**

**: 25 MAC 2015 (RABU)**

**NO. SOALAN**

**: 59**

**SOALAN:**

YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah ASEAN *Economic Community* (AEC) satu langkah yang akan menghakis dasar-dasar untuk agenda memperkuuhkan ekonomi Bumiputra di Malaysia.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Pembentukan pasaran ASEAN yang lebih berintegrasi telah dilaksanakan secara berperingkat. Kerajaan berpandangan bahawa pembentukan AEC akan membawa banyak aspek positif terutamanya membolehkan syarikat-syarikat Malaysia meneroka pasaran ASEAN yang luas serta membolehkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di negara-negara anggota ASEAN yang lain.

AEC tidak melibatkan penghakisan dasar-dasar untuk agenda memperkuatkan ekonomi Bumiputra di Malaysia. Malahan ia membuka peluang yang lebih besar kepada peniaga Bumiputra untuk memperluaskan perniagaan supaya menjadi syarikat global.

ASEAN merupakan pasaran penting bagi Malaysia. Pada tahun 2014, Malaysia telah mencatatkan jumlah perdagangan sebanyak RM389.03 bilion atau 26.8 peratus daripada jumlah dagangan global Malaysia. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN berjumlah RM213.58 billion, peningkatan sebanyak 5.8 peratus daripada tahun 2013, manakala import adalah sebanyak RM175.45 bilion, peningkatan sebanyak 1.4 peratus berbanding tahun 2013.

ASEAN juga merupakan destinasi utama pelaburan bagi syarikat-syarikat Malaysia termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Sehingga kini dianggarkan lebih daripada 1000 buah syarikat Malaysia sedang

beroperasi di negara-negara anggota ASEAN contohnya AirAsia, Maybank, CIMB, RHB, UEM, BinaPuri, SimeDarby, Petronas, Secret Recipe, Marrybrown dan Ingress.

Pelaburan Malaysia ke ASEAN merangkumi pelbagai sektor termasuk sektor perkilangan, kewangan, perladangan, pembinaan, tenaga dan perhotelan. Syarikat dari Malaysia juga telah diberi kepercayaan oleh negara-negara anggota ASEAN yang lain untuk membina lebuhraya, pusat pentadbiran, kondominium dan pusat membeli-belah di negara mereka. Ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat Malaysia telah bersedia merebut peluang-peluang yang diwujudkan melalui Integrasi Ekonomi ASEAN.

Integrasi Ekonomi ASEAN turut membantu negara dalam usaha menjadi sebuah negara maju di mana AEC membolehkan Malaysia menarik pelaburan-pelaburan asing serta memperkembangkan pelaburan-pelaburan domestik untuk membekal kepada pasaran ASEAN dengan jumlah penduduk sebanyak 620 juta orang.

Pasaran ASEAN juga memberi peluang kepada usahawan Bumiputra untuk memperluaskan perniagaan mereka ke negara-negara ASEAN yang lain. Kerajaan telah membantu golongan perniagaan Malaysia termasuk Bumiputera untuk membolehkan mereka meneroka peluang-peluang yang wujud di ASEAN.

Pelbagai program telah disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SME Corp.), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan agensi-agensi lain di bawah

MITI bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya dalam melaksanakan program-program pembangunan modal insan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), khidmat nasihat maklumat pasaran serta bantuan pembiayaan perniagaan. Bantuan-bantuan ini adalah perlu bagi memastikan usahawan Malaysia, termasuk Bumiputra, dapat bersaing secara domestik dan serantau.

Bagi tempoh 2013 hingga 2014, lebih daripada 160 program kesedaran (*outreach programme*) telah dijalankan oleh MITI dengan kerjasama *stakeholders* yang lain bagi memastikan rakyat Malaysia khususnya usahawan tempatan sedar mengenai kewujudan AEC. Program kesedaran ini disasarkan kepada komuniti perniagaan dan kumpulan-kumpulan profesional dan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai peluang-peluang di bawah AEC. Program yang sama juga turut dijalankan untuk masyarakat umum termasuklah belia, pelajar institusi-institusi pengajian tinggi dan badan-badan bukan kerajaan. Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia menjelang pewujudan AEC pada akhir tahun 2015.

Selain daripada program-program tersebut, misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara anggota ASEAN juga dilaksanakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli perniagaan termasuk syarikat-syarikat multinasional dan PKS di Malaysia mengenai peluang-peluang perniagaan sedia ada di bawah AEC dan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas ASEAN.

Sebagai contoh, pada 12 Mac 2015, pihak MATRADE telah mengadakan “*Exporter Forum*” ke ASEAN yang disertai oleh 700 syarikat-syarikat Malaysia termasuk usahawan Bumiputra. MATRADE telah menampilkan ahli-ahli perniagaan Malaysia dari Majlis-Majlis Perniagaan seperti Malaysia-Thailand, Malaysia-Viet Nam, Malaysia-Kemboja, Malaysia-Indonesia, Malaysia-Filipina dan Malaysia-Myanmar untuk berkongsi pengalaman mereka bagaimana menjalankan perniagaan di negara-negara tersebut.

Adalah penting bagi usahawan Bumiputra berusaha bersungguh-sungguh untuk memperkuatkkan daya saing supaya berjaya menembusi pasaran ASEAN yang mempunyai potensi perniagaan yang luas.